

PENERIMAAN GST DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI JOHOR

Nurul Liyana Hussin¹ & Fatin Hazirah Ambok Hassanuddin²

¹ Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

² Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

ABSTRAK

Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah dilaksanakan pada 1 April 2015 oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak. Terdapat segelintir masyarakat yang menyatakan bahawa GST itu adalah satu perkara yang membebankan rakyat. Keadaan ini dapat dikatakan bahawa tidak semua masyarakat itu menyokong ataupun menerima pelaksanaan GST yang dibuat. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui penerimaan masyarakat tentang pelaksanaan GST yang dilaksanakan oleh kerajaan. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti samada kestabilan harga, ketidakseimbangan pendapatan dan kebersediaan masyarakat mempunyai hubungan dengan penerimaan GST. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian dengan mengambil sampel sebanyak 217 dari Taman Harta, Benut. Hasil analisa yang membuktikan bahawa ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar tersebut mempunyai hubungan dengan penerimaan GST.

Kata Kunci : *GST, Penerimaan, Kestabilan Harga, Ketidakseimbangan Pendapatan, Kebersediaan.*

THE ACCEPTANCE OF GST AMONG THE PEOPLE IN JOHOR

ABSTRACT

Goods and Services Tax (GST) was implemented on 1 April 2015 by the Prime Minister of Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak. There are people claiming that the GST is a matter of burdening the people. This can be said that not all societies support or accept the implementation of the GST. Hence, this study is conducted to determine the acceptance of the public on the implementation of GST by the government. The objective of this study is to identify whether price stabilization, income imbalance and community availability have links with GST acceptance. This study used questionnaire as instrument where the samples are 217 from Taman Harta, Benut. The result indicate that these three independent variables have relationship with acceptance of GST.

Keywords: *GST, Acceptance, Price Stabilization, Income Imbalance, Readiness.*

PENGENALAN

Pada 1 April 2015, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan telah mengumumkan pelaksanaan GST pada kadar 6% seperti yang telah dibentangkan dalam pembentangan Bajet 2013 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013. Perlaksanaan GST ini dibuat bagi menggantikan Cukai Jualan (SST) (10%) dan Cukai Perkhidmatan (6%) di Malaysia. Ia merupakan satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah baik sistem kewangan negara serta mencari sumber pendapatan yang baru dengan meningkatkan kecekapan pungutan cukai.

Kerajaan Malaysia memperkenalkan GST dari 1 April 2015 dengan matlamat untuk mengurangkan defisit bajet yang berterusan, bersedia untuk menghadapi masa ekonomi yang tidak menentu dengan memastikan sumber-sumber baru dapat dikekalkan dan kurang terdedah kepada turun naik ekonomi. Selain itu, dapat membantu negara dari segi pembayaran hutang negara serta mampu untuk menjana ekonomi negara ke arah negara maju (Margaret & Khorana, 2011). Objektif utama pelaksanaan GST di Malaysia adalah untuk menangani kelemahan dalam dasar percukaian yang sedia ada dan juga untuk menjadi inisiatif utama di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Ia juga berfungsi sebagai alat pengumpulan hasil yang berkuasa dengan matlamat mengurangkan defisit fiskal (Lai, 2013).

GST diperkenalkan untuk memperluaskan skop kutipan hasil ke arah memperkasakan ekonomi negara agar kerajaan dapat menampung perbelanjaan negara yang kian meningkat dari tahun ke tahun sehinggakan memberi kesan terhadap pendapatan rakyat. Sistem cukai ini juga diperkenalkan agar kerajaan tidak banyak bergantung kepada kutipan cukai daripada sumber cukai pendapatan yang umumnya dikutip daripada individu-individu atas ganjaran dan daripada syarikat-syarikat atas keuntungan yang diperolehnya.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Bhupalan dan Renuka (2011) dalam usaha untuk merealisasikan pelaksanaan GST ini, kerajaan melawan sehabis mungkin persepsi negatif yang dilemparkan oleh pelbagai pihak berkaitan GST ini. Perkara yang paling penting yang menjadi isu kepada mereka adalah pelaksanaan GST menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan selaras dengan nilai peratusan GST sebanyak 6%. Dapat dirumuskan bahawa, perkara paling penting yang juga menjadi isu kepada masyarakat mengenai pelaksanaan GST adalah kenaikan harga barang.

Pelaksanaan GST juga dikatakan sebagai inflasi yang akan menggalakkan banyak pihak untuk meningkatkan harga produk dan perkhidmatan yang akhirnya akan membebankan rakyat secara keseluruhan dari segi perbelanjaan yang semakin meningkat dan memberi kesan kepada pendapatan (Palil dan Ibrahim 2012). Hal ini demikian menyebabkan, kebanyakan isi rumah dari golongan berpendapatan rendah berkemungkinan mengalami beban kewangan yang lebih tinggi

berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi disebabkan peningkatan harga yang berlaku. Berikutan perkara itu, pelaksanaan GST ini m a m p u memberi impak kepada golongan yang berpendapatan rendah dan pertengahan dari segi kenaikan harga barang selepas dikenakan cukai. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti samada kestabilan harga, ketidakseimbangan pendapatan dan kebersediaan masyarakat mempunyai hubungan dengan penerimaan GST dalam kalangan mereka.

KAJIAN LITERATUR

Penerimaan GST

Berdasarkan sejarah pelaksanaan cukai oleh negara-negara lain di seluruh dunia, kebanyakan negara menerima kesan positif dari segi pendapatan mereka. Walaupun pelaksanaan GST di Malaysia dikategorikan sebagai berjaya tetapi rakyat masih merasa tidak berasa yakin dengan pelaksanaan ini. Ianya dikukuhkan lagi dengan penemuan kajian menunjukkan bahawa majoriti rakyat Malaysia tidak yakin dengan sistem GST (Saira, 2010). Walaubagaimanapun, terdapat dalam kalangan masyarakat yang menerima pelaksanaan GST mendakwa bahawa struktur GST yang direka dengan baik menjadikannya cukai yang lebih efisien di kalangan semua. Di mana, GST yang dikenakan terhadap masyarakat hendaklah membawa kepada satu kebaikan dan keuntungan serta manfaat untuk semua golongan masyarakat (Keen dan Lockwood, 2010). Bloomquist (2003) menyatakan ketidakpuasan pembayar cukai mungkin timbul apabila anggapan orang ramai dalam nilai barangan dan perkhidmatan yang diterima adalah kurang daripada cukai yang dibayar. Penerimaan masyarakat itu tidak selari dengan nilai cukai GST yang dikenakan.

Kestabilan Harga

Kestabilan harga merujuk kepada persekitaran di mana harga cukup stabil di mana masyarakat tidak memberi perhatian kepada inflasi apabila membuat keputusan ekonomi dalam sesuatu perkara (James & Alley, 2008). Kenaikan harga dari tahun ke tahun yang munasabah dan tidak terlalu drastik supaya masyarakat dapat menerimanya dengan hati yang terbuka. Kajian yang dilakukan oleh Varquez, Vulovic dan Liu (2009) mendedahkan bahawa perubahan dari cukai langsung ke cukai tidak langsung dalam jangka pendek akan menyebabkan peningkatan harga. Keadaan ini memberi kesan kepada masyarakat dari segi perbelanjaan dan pendapatan mereka.

Ketidakseimbangan Pendapatan


Ketidakseimbangan pendapatan ialah pendapatan yang tidak mencukupi dalam menampung perbelanjaan harian dan kos sara hidup yang semakin tinggi. Ianya memberi kesan kepada mereka yang berpendapatan rendah yang perlu membuat pembayaran dan perbelanjaan yang banyak untuk keperluan harian. Berbanding dengan mereka yang berpendapatan tinggi, ianya tidak menjejaskan ekonominya dalam perbelanjaan kerana mempunyai tahap kewangan yang kukuh untuk menampung perbelanjaannya. Mekanisme pelaksanaan GST, Palil & Carol (2011) menyatakan bahawa ciri paling penting GST adalah sifat regresifnya berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi. Sebagai cukai ke atas penggunaan, isi rumah yang berpendapatan rendah boleh membayar lebih banyak cukai berbanding dengan pendapatan yang lebih tinggi. Setiap pekerja sektor awam dan swasta di Malaysia menerima pendapatan bulanan yang berbeza-beza berdasarkan jawatan atau kedudukan yang disandang. Kajian yang dilakukan oleh Wilkinson (2005) mendakwa bahawa kesan negatif GST mempunyai impak yang besar terhadap pendapatan sebenar kumpulan pendapatan yang berbeza, yang membawa kepada senario perjuangan rakyat untuk memenuhi keperluan akan hanya menambah

kepada persepsi bahawa ketidakseimbangan akan membawa kepada kesan negatif. Masyarakat yang berpendapatan rendah dan tinggi mempunyai perbelanjaan cukai yang berbeza yang mana mampu memberi kesan kepada penerimaan masyarakat terhadap GST.

Kebersediaan Masyarakat

Satu kajian oleh Tajudin (2014) menyatakan bahawa sukar untuk mereka yang berpendapatan isi rumah yang minimum dan sederhana di Malaysia untuk menerima pelaksanaan GST yang dijalankan oleh kerajaan. Hal ini kerana, mereka mempunyai komitmen yang tinggi dalam penggunaan wang dari segi perbelanjaan anak-anak dan keluarga, perbelanjaan keperluan harian dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai kewangan yang banyak untuk menampung kos sara hidup yang tinggi dalam satu-satu masa. Kebersediaan ini lebih khusus kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk menerima perubahan harga sesuatu barang hasil pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan. Dengan pendapatan yang diperoleh rendah perlu menampung perbelanjaan yang tinggi untuk menyara keluarga. Menurut Torgler (2003) kejahilan fiskal merupakan salah satu sebab mengapa masyarakat ada yang tidak memahami dan menganggap cukai itu satu beban kepada mereka. Kejahilan fiskal disini merujuk kepada seseorang itu tidak mengetahui atau mengambil tahu dalam sesuatu perkara yang sebenarnya membawa pengertian dan kepentingan yang tertentu.

KERANGKA KAJIAN



Pembolehubah tidak bersandar

Pembolehubah bersandar

Rajah 1 : Kerangka Kajian

Sumber : Ling, Osman, Arman Hadi, Muhammad Safizal, Rana, S.M., 2016

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji dan menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku. Analisa kolerasi telah dilakukan dimana tujuan utama bagi mengenal pasti yang mana satu di antara pembolehubah tidak bersandar mempunyai perkaitan dengan pembolehubah bersandar. Populasi kajian ini melibatkan masyarakat setempat di Benut, Johor. Sebanyak 217 orang responden telah dipilih berdasarkan teknik persampelan rawak mudah dan telah menjawab borang kaji selidik yang telah diedarkan.

KEPUTUSAN ANALISA

Hasil analisa deskriptif menunjukkan skor min yang paling tinggi bagi pembolehubah tidak bersandar untuk kestabilan harga adalah 4.35 yang mana menunjukkan responden bersetuju harga barang meningkat akibat daripada pelaksanaan GST yang tidak dipantau. Manakala, skor min yang paling rendah adalah 2.59 iaitu responden kurang bersetuju tanpa GST harga barang tidak stabil. Skor min yang paling tinggi bagi ketidakseimbangan pendapatan adalah 4.11 menunjukkan bahawa responden bersetuju pelaksanaan GST memberi kesan kepada pendapatan mereka. Manakala, skor min yang paling rendah adalah 2.75 iaitu responden kurang bersetuju pelaksanaan GST dapat mengurangkan perbezaan diantara golongan yang berpendapatan rendah dan tinggi. Skor min yang paling tinggi bagi kebersediaan masyarakat adalah 4.24 iaitu kebanyakan responden bersetuju kerajaan perlu memberi pendedahan tentang GST. Manakala, skor min yang paling rendah adalah 2.71 iaitu responden tidak memahami GST.

Jadual 4.1: Hasil Analisa Korelasi

	Penerimaan GST	Kestabilan harga	Ketidakseimbangan pendapatan	Kebersediaan masyarakat
Penerimaan GST	1	.470 **	.432 **	.353 **
Kestabilan harga	.470 **	1	.341 **	.323 **
Ketidakseimbangan pendapatan	.432 **	.341 **	1	.561 **
Kebersediaan masyarakat	.353 **	.323 **	.561 **	1

Berdasarkan Jadual 4.1, dapatan menunjukkan bahawa kestabilan harga mempunyai kekuatan hubungan yang sederhana terhadap penerimaan GST iaitu 0.470. Diikuti oleh ketidak seimbangan pendapatan (0.432) dan kebersediaan masyarakat ke atas penerimaan GST (0.353).

PERBINCANGAN DARIPADA HASIL ANALISIS

Keputusan yang diperoleh ini membolehkan untuk menolak Ho dan menerima H1 dimana dapat dibuktikan bahawa kestabilan harga adalah signifikan dan mempunyai hubungan dengan penerimaan GST. Keadaan ini dapat dilihat daripada akhbar yang menyatakan GST yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bertujuan bagi memastikan kestabilan harga barang dan perkhidmatan pada kadar yang berpatutan (Berita Harian, 2015). Keputusan korelasi bagi ketidakseimbangan pendapatan terhadap penerimaan GST membuktikan bahawa terdapat hubungan antara dua pembolehubah tersebut. Keputusan yang diperolehi ini dapat dikuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Wilkinson (2005) mendakwa bahawa kesan negatif GST mempunyai impak yang besar terhadap pendapatan sebenar kumpulan pendapatan yang berbeza, yang membawa kepada senario perjuangan rakyat untuk memenuhi keperluan akan hanya menambah kepada persepsi bahawa ketidaksamaan akan membawa kepada kesan negatif. Manakala kebersediaan pengguna juga mempunyai hubungan dengan penerimaan GST. Ini dibuktikan oleh Shamsuddin (2014) yang mana maklumat yang lebih mencukupi dan jelas mampu meningkatkan tahap kesedaran dan penerimaan masyarakat yang rendah mengenai pelaksanaan GST.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Justeru, pengkaji berharap terdapat kajian susulan yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan bagi mendapatkan pendapat masyarakat dari pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai tingkat pendapatan yang berbeza sesuai dengan jenis pekerjaan. Justeru, berdasarkan kajian ini juga cadangan yang ingin diutarakan oleh pengkaji ialah pihak-pihak yang berkepentingan perlu lebih teliti dalam memberikan maklumat kepada masyarakat supaya ianya tidak disalah tafsirkan oleh mereka dan dapat menjaga kebajikan masyarakat. Begitu juga dengan masyarakat yang mana mereka perlu lebih realistik dalam berbelanja dan perancangan kewangan bagi memastikan kelangsungan kehidupan pada masa akan datang lebih terjamin.

RUJUKAN

- Alappatt, M., & Shaikh, J. M. (2014). *Forthcoming Procedure of Goods and Service tax (GST) in Malaysia. Issues in Business Management and Economics*, 2(12), 210-213.
- Ammanuddin Shamsuddin, M. I. (2014). Educators' Awareness and Acceptance towards Goods and Services Tax (GST) Implementation in Malaysia : A Study in Bandar Muadzam Shah, Pahang. *Economics and Law*, 1-9.
- Amanuddin, S., Muhammad, I.M.R., Afifah A.H., NurFatin, Z. & Nurul, F.M.F. (2014). Educators' Awareness and Acceptance Towards Goods and Services Tax (GST) Implementation in Malaysia: A Study in Bandar Muadzam Shah, Pahang. *International Journal of Business, Economics and Law*, 4(1), 1-10.
- Bloomquist, K. M. (2003). U.S. Income Inequality and Tax Evasion: A Synthesis. *Tax Notes International*, 31(4), 347-367.
- Choon, S., Osman, A., Muhammad, S., Kit, S., & Yi, L. (2016). Goods and Services Tax (GST) Compliance among Malaysian Consumers: The Influence of Price , Government Subsidies and Income Inequality. *Procedia Economics and Finance*, 35(October 2015), 198–205. [http://doi.org/10.1016/S2212-5671\(16\)00025-3](http://doi.org/10.1016/S2212-5671(16)00025-3)
- Gautier, E., & Lalliard, A., 2014. How do VAT changes affect inflation in France? Quarterly Selection of Articles, 32.
- Goh,P.J. (2017). Consumers Perception Towards The Goods,
- A. T., & Tax, S. (2014). Educators' awareness and acceptance towards goods and services tax (GST) implementation in Malaysia: a study in Bandar Muadzam Shah, Pahang, 4(1), 1–10.
- Hadi, A., & Safizal, M. (2016). Public acceptance and compliance on goods and services tax (GST) implementation: a case study of Malaysia, 5 (February), 1–12.
- Ikpe, M., & Nteegah, A., 2013. Value Added Tax and price stability in Nigeria: A partial equilibrium analysis. *European Journal of Government and Economics*, 2(2), ISSN: 2254-7088.
- Information, A. (2015). Public Awareness Towards Goods and Services Tax (GST) in, 1(2), 101–106.
- James, S., & Alley, C. (2008). Successful Tax Reform: The Experience of Value Added Tax in the United Kingdom and Goods and Services Tax in New Zealand. MPRA Paper No. 19858.
- Lai, D. (2013). GST. *The Edge*. (19-25), 22-25.
- Ling, S. C., Osman, A., Muhammad, S., Yeng, S. K., & Jin, L. Y. (2016). Goods and Services Tax (GST) Compliance among Malaysian Consumers: The Influence of Price, Government Subsidies and Income Inequality. *Procedia Economics and Finance*, 35, 198-205.
- Low, S.P. and Carol, P.W.L. (1994). Implementation of the Goods and Services Tax. Implementation of The Goods and Services Tax (GST) In The Singapore Construction Industry. *Journal Property Finance*, Vol. 5, No.3.
- Margaret, A. G. H., & Khorana, L. (n.d.).An Assessment of the Introduction of Goods and Services Tax in Malaysia and its Implications on the Merchant Shipping Sector and Maritime Supply Chain. Maritime Economics Industries (MEI).

- McKerchar, M. (2003) Understanding and Predicting Taxpayers' Behavioural Responses to Actions by Tax Administration. *OECD Papers*, 3 (10), 55-754.
- Model Public Acceptance And Compliance On Goods And Services Tax (GST) Implementation: A Case Study Of Malaysia, Ling, S.C.1, Osman, A.2, Arman Hadi, A.B.3, Muhammad Safizal, A.4, Rana, S.M.5,
- Mohani, A. (2003). *Income Tax Non-Compliance in Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Ng, E. (2014). Bloc Voting Helps Putrajaya Push GST Bill Through. *The Malaysian Insider*, Retrieved on October 14, 2014 from <http://gstm.blogspot.com/2014/04/blocvoting-helps-putrajaya-push-gst.html>.
- Olivia, N., 2011, The Factors Influencing Attitudes of Namibian Taxpayers Towards Taxation. Thesis Dissertation, Faculty of Economic and Management Sciences. University of Pretoria.
- Palil, M. R., & Ibrahim, M. A. (2011). The Impacts of Good and Service Tax (GST) on Middle Income Earners in Malaysia. *World Review of Business Research*, 1(3), 192-206
- Syazwani, N., Fadzillah, M., & Husin, Z. (2016). The Acceptance Level on GST Implementation in Malaysia, 1(2), 1–6.
- Syed, M.A.T., Amit, K.S. & Ravindra, K.S. (2013), Challenges and Opportunities of Goods and Service Tax (GST) in India, *Indian Journal of Applied Research*, 3(5),413-415.
- Tajudin, A.,2014. Institute Rakyat Policy Brief 1:GST. <http://www.institutrakyat.org/wpcontent/uploads/2014/04/IR-Policy-Brief-GST-lo.pdf>. Torgler,
- Torgler, B., 2003. Tax morale: Theory and analysis of tax compliance. *Unpublished doctoral dissertation*, University of Zurich, Switzerland.
- Valadkhani, A. & Layto, A. P., 2004. Quantifying the Effect of GST on Inflation in Australia's Capital Cities: An Intervention Analysis, *Australian Economic Review*,37(2), 125-38.
- Varquez, M. J., Vulovic, V., & Liu, Y. Z., 2009. Direct versus Indirect Taxation: Trends, Theory and Economic Significance. *International Studies Program Working Paper*, 09-11.
- Wilkinson, R., 2005. The Impact of Inequality. London: Routledge Retrieved from <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1500967/>.